

Headline	Aura Pak Ungku dalam ANGKASA masih segar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	28,29	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	985 cm ²
Journalist	HASLIZA HASSAN hasliza_hassan@	AdValue	RM 33,220
Frequency	Daily	PR Value	RM 99,660

Aura Pak Ungku dalam ANGKASA masih segar

*Penubuhan
koperasi
sekolah, terap
nilai harga
masa kekal
dalam memori
warga kerja*

Prof Diraja Ungku Aziz Ungku Abdul Hamid atau lebih dikenali dengan panggilan Pak Ungku amat sinonim dengan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Sebagai antara pengasas kepada penubuhannya, pembabitan lebih 30 tahun menjadikan Pak Ungku dan ANGKASA susah untuk dipisahkan.

Ini diakui Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, kerana apabila beliau memberitahu agensi diwakilinya, pertanyaan seterusnya yang ditanyakan adakah Pak Ungku masih Yang Dipertua (YDP) ANGKASA lagi.

Menyedari aura Pak Ungku akan sentiasa segar bersama ANGKASA yang ditubuhkan pada 1971, beliau melihat perkara itu sebagai pengiktirafan rakyat Malaysia terhadap sumbangan Pak Ungku memperjuangkan gerakan koperasi di Malaysia.

Banyak menyumbang

"Hakikat itu kita tidak boleh nafikan kerana Pak Ungku banyak menyumbang kepada pembangunan koperasi melalui teras pendidikan yang diterapkan beliau dengan menubuhkan koperasi sekolah dalam usaha mendedahkan golongan muda kepada dunia koperasi.

"Jadi, tidak hairanlah jika sebut saja ANGKASA, orang akan teringat Pak Ungku. Sebagai ahli akademik beliau memang pentingkan pendidikan termasuk di ANGKASA juga. Perkataan popular Pak Ungku dalam kalangan warga ANGKASA ialah fokus," katanya pada pertemuan di Wisma Ungku A Aziz di Kelana Jaya.

Abdul Fattah berkata, walaupun pembabitannya dengan ANGKASA bermula pada Disember 2006 selepas memenangi jawatan Naib Yang Dipertua ANGKASA, namun banyak yang pengalaman diraih dalam tempoh setahun berkhidmat bersama Pak Ungku.

Antaranya, beliau seorang yang menepati masa dan ini mendorong warga ANGKASA sentiasa awal hadir mesyuarat atau program dianjurkan. Ibarat pepatah bapak borek anak rintik, disiplin itu menjadi sebahagian daripada nilai dimiliki warga ANGKASA.

Ingin hasil terbaik

Pak Ungku juga tidak berkompromi dengan sikap sambil lewa kerana beliau ingin hasil terbaik. Sikapnya itu mendidik mereka yang bekerja dengan beliau untuk melaksanakan

tugas dengan berhati-hati kerana bagi Pak Ungku, kerja tidak boleh 'cincai'.

Namun, di sebalik ketegasan itu,

Pak Ungku menghormati keputusan majoriti dan ini bermakna beliau bersedia membuka ruang kepada perbincangan serta mendengar pendapat orang lain.

"Berdasarkan pengalaman, saya perhatikan Pak Ungku boleh terima idea atau pandangan orang lain tetapi kita perlu biarkan beliau jelaskan dulu mengenai sesuatu perkara. Selepas itu, baru kita kemukakan cadangan.

"Bagaimanapun, jika kita ingin berhujah dengan beliau perlu ada fakta kerana cara beliau melihat sesuatu itu masih dari kaca mata ahli akademik, perlu ada permulaannya, isi kandungan serta kesimpulan daripada perkara dibincangkan," katanya.

Semangat Melayu tinggi

Satu lagi sikap Pak Ungku yang sering diperkatakan ialah semangat Melayunya yang tinggi dan ini terbukti apabila beliau bertegas supaya kursus yang diadakan di Sarawak ketika itu menggunakan bahasa Melayu walaupun ada mencadangkan bahasa Mandarin kerana kebanyakan ahli bangsa Cina.

Jawapan Pak Ungku, negara sudah merdeka dan tidak ada alasan rakyat negara ini tidak fasih berbahasa Melayu. Justeru, kursus berkenaan menggunakan bahasa Melayu.

Ditanya legasi Pak Ungku yang masih kekal di ANGKASA, Abdul Fattah berkata, hidangan ketika

Headline	Aura Pak Ungku dalam ANGKASA masih segar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	28,29	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	985 cm ²
Journalist	HASLIZA HASSAN hasliza_hassan@	AdValue	RM 33,220
Frequency	Daily	PR Value	RM 99,660

mesyuarat dan ada kala turut disediakan kepada tetamu yang berkunjung iaitu kurma, biskut serta buah-buahan.

Bercerita lanjut, beliau mengaku terkejut melihat hidangan minum pagi yang disediakan ketika pertama kali bermesyuarat dengan Pak Ungku dan mana-mana pihak yang tahu perkara itu akan merujuk kurma, biskut dan buah-buahan sebagai 'menu ANGKASA'.

"Mesyuarat diadakan pada waktu pagi dan terhidang depan saya ialah kurma lima biji, biskut dan buah-buahan. Menggigil jugalah saya kerana biasa kita sarapan berat. Jika datang ANGKASA sekarang kurma ada lagi," katanya.

Katanya, dalam bab makanan ini, beliau sentiasa teringat kata-kata Pak Ungku iaitu gula itu racun sementara dalam bab kewangan pula, Pak Ungku menasihatkan supaya tidak berhutang.

Penerima Anugerah Melayu Terbilang pertama

Selain mengasaskan gerakan koperasi dan menjadi Yang Dipertua ANGKASA sejak ditubuhkan, penerima pertama Anugerah Melayu Terbilang sempena ulang tahun Ke-59 UMNO, nama Pak Ungku turut dikaitkan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Tabung Haji (TH), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Universiti Malaya (UM).

Bagi Presiden Gerakan Antarabangsa untuk Dunia Keadilan

(JUST), Dr Chandra Muzaffar pula, pertemuan dengan Pak Ungku dalam majlis ilmu kebanyakannya membolehkan beliau mendapat gambaran lebih jelas mengenai tokoh akademik yang dipandang tinggi itu.

Walaupun tidak berkesempatan berkhidmat bersama Pak Ungku kerana ketika menjadi pensyarah di UM, Pak Ungku sudah meninggalkan institusi berkenaan, beliau banyak membaca mengenai Pak Ungku serta pencapaiannya.

"Pencapaian beliau dalam aspek kemasyarakatan khususnya ekonomi Melayu memang luar biasa. Beliau melahirkan idea penubuhan Tabung Haji, menulis masalah kemiskinan orang Melayu dan masyarakat desa ketika zaman penjajah.

"Memperkuhkan ekonomi ahli melalui gerakan koperasi. Malah beliau juga membuat kajian mengenai pembahagian di estet dan mengusulkan jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah pekerja ladang," katanya.

Bekas Profesor Dialog Pengajian Peradaban UM itu berkata, kesempatan berbual dengan Pak Ungku khususnya dalam isu masyarakat, beliau melihat Pak Ungku seorang yang berfikiran terbuka dan suka berjenaka dalam bicara serta ketika berucap.

Beliau berkata, sifat peramah dan tidak sombong serta mudah bergaul menjadikan beliau seorang yang mudah didekati.

Katanya, Pak Ungku adalah cendekiawan terbilang dan negara tidak mempunyai ramai tokoh seperti beliau.

"Beliau Naib Canselor UM paling lama berkhidmat dan menjadi tokoh disegani dalam bidang pendidikan. Saya hargai jasa beliau dan semua rakyat Malaysia juga harus mengenang semua yang dilakukan Pak Ungku yang kini menjadi sebahagian pencapaian terbaik negara," katanya.

▶ 1971

ANGKASA
ditubuhkan

▶ 30 TAHUN

Pembabitan
Pak Ungku
bersama ANGKASA
yang juga pengasas
ANGKASA

Headline	Aura Pak Ungku dalam ANGKASA masih segar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	28,29	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	985 cm ²
Journalist	HASLIZA HASSAN hasliza_hassan@	AdValue	RM 33,220
Frequency	Daily	PR Value	RM 99,660



**HASLIZA
HASSAN**

hasliza_hassan@
bh.com.my




“
Jawapan Pak Ungku, negara sudah merdeka dan tidak ada alasan rakyat negara ini tidak fasih berbahasa Melayu. Justeru, kursus diadakan di Sarawak mesti menggunakan bahasa Melayu”

Abdul Fattah Abdullah,
Presiden ANGKASA



Ungku Aziz pengasas ANGKASA.

Headline	Aura Pak Ungku dalam ANGKASA masih segar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	28,29	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	985 cm ²
Journalist	HASILZA HASSAN hasliza_hassan@	AdValue	RM 33,220
Frequency	Daily	PR Value	RM 99,660



Headline	Aura Pak Ungku dalam ANGKASA masih segar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	28 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	28,29	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	985 cm ²
Journalist	HASLIZA HASSAN hasliza_hassan@	AdValue	RM 33,220
Frequency	Daily	PR Value	RM 99,660

